

Research Notes / *Makalah Penyelidikan*

# Memoir dan Biografi Sebagai Sumber Membangun Historiografi Baru

(Memoir and Biography as Sources to  
Develop New Historiography)

**Afiq Nazrin Nor Rizlan**

## **ABSTRACT**

The objective of this research note is to propose employing the methods used in writing memoirs and biographies, and also for memoirs and biographies as sources to contribute to the writing of Malaysian history. Besides conventional sources such as colonial records, government documents, and letters, it is also important to acquire various sources so as to offer different perspectives. To date, memoirs and biographies have not been extensively used as historical sources, even though there are many important aspects found in these sources that can be benefitted by historians. These include the methods used to produce memoirs and biographies, and the recollections and records written from people's perspective or 'perspective from below' as sources to produce historical writings and studies that are more inclusive. While it is acknowledged that memoirs and biographies often reflect the perspective of the ruling elite, for the purpose of this paper, the author focuses on memoirs and biographies that have been written based on 'the perspective from below' and takes the memoirs of Said Zahari and Ishak Shari's biography as case studies. By reading these works, we can detect the various challenges faced by the authors while writing them, but the works could be completed by employing

various methods of data collection and making interesting interpretations. At the same time, these works contain historical episodes and processes that are not that well known to the public which are useful for historians to consider in the writing of history to make it more inclusive.

**Key words:** Memoir, biography, history from below, people's history, historical sources

### ABSTRAK

Makalah penyelidikan ini bertujuan mengetengahkan kaedah yang digunakan dalam menulis memoir dan biografi serta memoir dan biografi itu sendiri sebagai sumber bagi penulisan sejarah di Malaysia. Selain sumber-sumber konvensional seperti rekod kolonial, dokumen kerajaan, dan surat menyurat pemerolehan sumber yang pelbagai sangat penting untuk memberi perspektif yang berbeza. Setakat ini, sumber memoir dan biografi masih kurang digunakan sebagai rujukan sejarah walhal terdapat beberapa aspek penting yang dapat digarap oleh sejarawan daripada sumber-sumber ini. Ini termasuk cara-cara yang digunakan untuk menghasilkan karya memoir dan biografi serta catatan-catatan dalam memoir dan biografi yang dibuat dari perspektif rakyat atau 'perspektif dari bawah' sebagai sumber untuk membangunkan penulisan dan pengkajian sejarah dengan cara yang lebih inklusif. Adalah diakui bahawa perspektif dari sisi elit berkuasa sering dicerminkan dalam memoir dan biografi. Namun dalam makalah ini penulis memilih memoir dan biografi yang ditulis berdasarkan perspektif 'dari bawah' sebagai kerangka perbincangan dengan memberi tumpuan kepada memoir Said Zahari dan biografi Ishak Shari. Kedua-dua karya ini menunjukkan pelbagai cabaran yang dihadapi untuk melengkapkan penulisan masing-masing, namun ia dapat disempurnakan dengan menggunakan beberapa kaedah kutipan data serta tafsiran yang menarik. Selain itu, peristiwa dan proses sejarah yang kurang diketahui umum pula terkandung di dalam memoir dan biografi mereka. Ini semua berguna kepada sejarawan dalam penulisan sejarah agar ia menjadi lebih inklusif.

*Kata kunci:* Memoir, biografi, sejarah dari bawah, sejarah rakyat, sumber sejarah

## Pengenalan

Disiplin sains sosial di Malaysia telah mempunyai sejarah rasmi lebih enam dekad. Manakala ilmu kemanusiaan seperti bahasa, sastera dan sejarah lebih lama dari itu. Rumpun ilmu sains sosial dan kemanusiaan ini sangat penting untuk membangun masyarakat yang berilmu, mencorak keupayaan intelektual masyarakat, dan membina tamadun masyarakat yang merdeka. Untuk membangun ilmu ini, pemerolehan sumber sangat penting. Sumber menjadi bekalan maklumat kepada para pengkaji, memudahkan pengkaji mentafsir sesuatu peristiwa dari pelbagai perspektif, dan sebagai satu upaya untuk memperkayakan data-data sosial serta membangun ilmu yang lebih ilmiah. Pemilihan sumber secara selektif bersesuaian dengan rangka penyelidikan perlu ditekankan oleh para pengkaji. Namun pemerolehan sumber daripada satu aliran sahaja tidak memadai kerana pengkaji sukar untuk menemukan pelbagai maklumat yang masih belum dikemukakan atau kurang diambil perhatian dalam sesuatu wacana ilmu.

Dalam konteks ilmu sejarah di Malaysia, sumber sejarah menjadi satu keperluan bagi sejarawan untuk mencorakkan sejarah persis suatu 'peristiwa', 'catatan' dan 'wacana ilmu'. Di negara bekas tanah jajahan seperti Malaysia, sumber-sumber sejarah yang lazim digunakan ialah dokumen-dokumen kolonial, laporan-laporan rasmi kerajaan, akhbar dan majalah, surat menyurat, dan minit-minit mesyuarat. Namun begitu, sejak kebelakangan ini terdapat usaha untuk memperkayakan sejarah dengan menggunakan bahan-bahan melalui sejarah lisan serta sumber memoir dan biografi yang dicatatkan oleh pelaku-pelaku sejarah.

Makalah penyelidikan ini bertujuan memberi fokus kepada memoir dan biografi sebagai salah satu sumber yang penting dalam penyelidikan ilmu sejarah di Malaysia. Penyelidik menganggap sumber-sumber ini menyumbang kepada historiografi baru khususnya bagi membangun sejarah 'dari bawah' atau sejarah rakyat dalam konteks penulisan sejarah Malaysia.

## **Sejarah Dari Bawah dan Sejarah Rakyat: Pentingnya Memoir dan Biografi Sebagai Sumber**

Pemilihan sumber dan kaedah pengumpulan data yang sesuai adalah perkara penting dalam penyelidikan sejarah. Seseorang sarjana mahupun sejarawan sukar untuk merumuskan dan membuat kesimpulan yang jitu sekiranya maklumat yang diperolehi sangat terbatas dan sumber-sumber pula boleh dipertikaikan. Sebaliknya jika pengkaji mempunyai sumber yang kuat, mereka dapat mengemukakan hujah dan mencapai kesimpulan yang lebih utuh. Namun setiap intepretasi pengkaji sangat bergantung kepada sumber yang diperolehi oleh mereka.

Penulisan sejarah di Malaysia selama ini lebih dikhususkan kepada orang-orang besar atau golongan elit berkuasa dan peristiwa-peristiwa besar serta organisasi politik yang memperoleh kuasa. Perbincangan tentang golongan elit berkuasa sudah menjadi aliran dominan selama ini. Penulisan sejarah masyarakat kelas bawahan dan tokoh-tokoh yang mewakili golongan bawahan kurang diberi perhatian, apa lagi penulisan daripada perspektif mereka. Inilah yang dimaksudkan dengan sejarah dari bawah. Gagasan menyusun sejarah dari bawah (*history from below*) bertolak daripada kritikan bahawa pemahaman manusia mengenai masa lalu cenderung dikendalikan 'dari atas', yakni daripada sisi penguasa yang menguasai ruang pengetahuan, termasuklah penulisan sejarah.

Sejarah dari bawah boleh dilihat melalui peristiwa-peristiwa yang dialami oleh rakyat, diteliti melalui *figura* individu-individu tertentu atau aktor-aktor sosial yang terpinggir dalam penyelidikan sejarah. Seorang tokoh sejarah yang memperjuangkan perspektif sejarah dari bawah atau sejarah rakyat, iaitu Howard Zinn dalam bukunya *A People's History of the United States* (Suatu Sejarah Rakyat Amerika Syarikat) (2003) mengkritik penulisan sejarah di Amerika Syarikat yang kurang memberi perhatian kepada individu-individu yang terlibat dalam pergerakan sosial terutamanya tentang suara, visi, cerita, dan kesungguhan mereka dalam menyuarakan tuntutan kebebasan dan hak asasi manusia. Aktor-aktor ini sama sekali telah didiamkan oleh kuasa negara. Walhal jika diperhatikan dari kalangan

pelaku sejarah itu, ada yang menjadi penyumbang kepada keberadaan sejarah buat sejarawan, masyarakat dan dunia politik pada kemudian harinya.

Sejarah dari bawah termasuk sejarah rakyat adalah satu contoh perspektif penting yang kian berkembang di Malaysia. Catatan dalam bentuk memoir dan biografi berkenaan kehidupan seseorang tokoh kemerdekaan dan keadilan seumpamanya adalah satu sumber penting untuk menggarap sifat sejarah dari bawah ini. Pada awalnya, penulisan memoir dan biografi adalah satu perkara yang masih dianggap baru, bahkan kurang diberi perhatian. Namun kesedaran pelaku-pelaku sejarah untuk mencatatkan peristiwa-peristiwa penting daripada pengalaman mereka menyaksikan penerbitan memoir dan biografi yang semakin menggalakkan.

Abdul Rahman (2014) dalam kata pengantarnya kepada *Biografi Ishak Shari* tulisan Mohd Salleh Lamry menarik perhatian kepada perkara ini. Menurut beliau, perkataan 'memoir' yang digunapakai di Malaysia berasal daripada bahasa Latin yakni '*memoria*' atau dalam bahasa Perancis disebut sebagai '*memoire*' yang membawa maksud '*memory*' atau '*reminiscences*' iaitu kenang-kenangan. Namun nukilan ingatan di dalam memoir pula berbeza secara teknikal dengan tulisan biografi atau autobiografi walaupun kedua-duanya merupakan *genre* yang sama iaitu bukan-fiksi. Biografi merupakan catatan yang ditulis oleh individu lain mengenai seseorang tokoh dan autobiografi pula adalah catatan yang ditulis sendiri oleh tokoh terbabit tentang kisah hidupnya.

Sifat dan ciri-ciri memoir pula adalah catatan tentang sebahagian atau sebilangan kisah daripada hidup seseorang tokoh yang diceritakan olehnya sendiri di setiap jilid memoir yang diterbitkan (Abdul Rahman 2014). Ini selaras dengan pendapat Zinsser (1998: 15) bahawa memoir berbeza berbanding dengan biografi dan autobiografi yang mana catatan-catatan di dalam memoir lebih dikhususkan kepada beberapa peristiwa penting yang dialami oleh tokoh terbabit seperti pengalaman sewaktu remaja, kegiatan dalam bidang yang diceburi, sumbangan di dalam masyarakat, keadaan sewaktu peperangan, dan sebagainya. Menurut beliau lagi, memoir merupakan satu mekanisme yang sangat sesuai untuk merujuk kisah

seseorang pada waktu hidupnya dan ditambahkan lagi dengan tulisan yang mempunyai nilai seni yang dapat menarik pembaca memahami dan menghayatinya (Zinsser 1998: 6). Namun, walau apa pun ciri-ciri dan perbezaan teknikal yang terdapat di dalam tiga sumber berkaitan ini, ianya tetap memberi manfaat kepada masyarakat dan juga sejarawan. Karya-karya ini dapat membekalkan sejarawan tentang fakta, maklumat dan pandangan yang boleh memberi perspektif baru dalam pengetahuan dan penulisan sejarah.

Di Malaysia, tradisi meriwayatkan kisah dan pengalaman diri seseorang dikatakan terhasil buat pertama kalinya melalui biografi *Hikayat Nakhoda Muda* (Noriah Taslim 2015: 59). Karya ini muncul sebelum adanya catatan daripada Abdullah Abdul Kadir Munsyi iaitu *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1849). *Hikayat Nakhoda Muda* boleh dianggap sebagai sebuah biografi Melayu yang terawal muncul pada waktu peralihan dalam pensejarahan sastera dan budaya, iaitu zaman peralihan tradisional-modern yang disusuli dengan kehadiran dan penjajahan orang-orang Eropah di rantau ini pada abad ke-17 dan abad ke-18 (Noriah Taslim 2015: 59). Hikayat ini diandaikan tertulis sekitar tahun 1766 hingga 1788, atas alasan penaung penulisan hikayat ini iaitu Butter Hunnings menamatkan tugasnya sebagai Residen di Lais (atau Laye) pada tahun 1788. Karya ini ditulis dalam bentuk *genre* biografi atau riwayat hidup, dan merupakan satu *genre* baru dalam sejarah Malaysia.<sup>1</sup>

Kemudian untuk satu tempoh yang panjang, tidak ditemui penulisan memoir mahupun biografi selepas karya-karya di atas. Sehingga pada akhir abad ke-20 muncul dengan ketara karya-karya memoir dan biografi yang disusun dan diterbitkan dalam rangka tulisan oleh golongan nasionalis, wartawan, sasterawan, budayawan dan aktivis politik (Abdul Rahman 2014). Usaha penerbitan biografi dan memoir ini didorong oleh kesedaran pihak penerbit dan penyelidik universiti tentang pentingnya karya-karya seperti ini. Terdapat pelbagai memoir yang diterbitkan oleh pihak penerbit universiti. Abdul Rahman (2010: 31-32) telah mengambil contoh peranan yang dimainkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menerbitkan pelbagai karya memoir, biografi dan autobiografi tokoh-tokoh atau pejuang yang berlainan ideologi

dan pemikiran. Menurut beliau, terdapat 33 judul memoir dan biografi yang berjaya diterbitkan oleh Penerbit UKM semenjak tahun 1991 sehingga tahun 2010. Jumlah penerbitan kemudian terus meningkat disebabkan adanya daya usaha untuk mencetak dan menerbitkan karya-karya jenis ini. Selain daripada Penerbit UKM, wujud penerbit-penerbit lain seperti Penerbit Universiti Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Strategic Information and Research Development Centre (SIRD, Informasi Strategik dan Pusat Pembangunan Penyelidikan) di Petaling Jaya dan Utusan Publishers & Distributors (Penerbit dan Pengedar Utusan) di Kuala Lumpur yang turut memainkan peranan ini.

Tidak semua biografi dan memoir yang diterbitkan boleh memberi perspektif sejarah dari bawah. Sebahagiannya ditulis oleh tokoh-tokoh yang pernah berkuasa dan mencerminkan perspektif dari atas. Mereka menulis sendiri atau melalui penulis biografi setelah mereka bersara. Di Malaysia, antara memoir dan biografi sedemikian ialah *Merdeka melalui Malaysia: Sebahagian dari Memoir Tun Datu Mustapha* (1981); *Tunku Abdul Rahman: Memoir Patriotik* (1991); *Biografi Dato' Onn Jaafar* (2004); *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia (Memoir Ghazali Shafie Tentang Pembentukan Malaysia)* (2004); *The Reluctant Politician: Tun Dr Ismail and His Time (Ahli Politik Enggan: Tun Dr Ismail dan Zamannya)* (2007); *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot* (2011); dan *A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad (Seorang Doktor di Rumah: Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad)* (2011).

Namun banyak juga contoh catatan sejarah dari bawah. Ini kerana memang terdapat dalam kalangan penulis atau pelaku sejarah itu merupakan individu yang diketepikan dalam catatan sejarah umum serta dianggap oleh British dan pihak kerajaan sebagai pejuang aliran kiri yang sebelum ini ditindas atau diburu oleh British. Antara contoh memoir dan biografi yang telah diterbitkan berdasarkan kepada perspektif rakyat ialah *Biografi A. Samad Ahmad: Sejambak Kenangan* (1981), *Biografi Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu* (1984); *Memoir A. Samad Ismail di Singapura* (1993); *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa* (1995);

*Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan* (1996); tiga jilid memoir Said Zahari iaitu: *Meniti Lautan Gelora* (2001), *Dalam Ribuan Mimpi Gelisah* (2006) dan *Suara Bicara* (2015); *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam API* (2004); *Memoir Shamsiah Fakeh: dari AWAS ke Rejimen ke-10* (2004); *Memoir Abdul Majid Salleh: Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh* (2004); *Memoir Ibrahim Chik: dari API ke Rejimen Ke-10* (2004); *Malay Nationalism Before UMNO: The Memoirs of Mustapha Hussain* (Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO: Memoir Mustapha Hussain) (2005), *Memoir Abdullah C.D.: Zaman Pergerakan sehingga 1948 – Bahagian 1* (2005), *Memoir Abdullah C.D.: Zaman Pergerakan sehingga 1948 – Bahagian 2* (2007); dua jilid memoir Syed Husin Ali: *Dua Wajah – Tahanan Tanpa Bicara* (2008) dan *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali* (2012); *Memoir Mohamed Salleh Lamry: Guru Melayu Terakhir* (2009); *Biografi Ishak Shari: Pejuang Bumi Semua Manusia* (2014); dan *Living in a Time of Deception: The Memoirs of Poh Soo Kai (Hidup Dalam Zaman Penipuan: Memoir Poh Soo Kai)* (2016).

### **Memoir Said Zahari dan Biografi Ishak Shari: Karya Dua Tokoh daripada Zaman Berbeza**

Karya dua tokoh yang ingin dijadikan fokus makalah ini ialah memoir tiga jilid seorang tokoh wartawan dan pejuang keadilan dan kebebasan dari Malaya dan Singapura iaitu Said Zahari serta karya mengenai seorang tokoh akademik, pemikir dan intelektual awam yang berpihak kepada rakyat iaitu Ishak Shari. Kedua-dua tokoh ini muncul dan berjuang pada zaman yang berbeza serta melalui wadah yang berbeza. Said Zahari ialah tokoh yang lahir dan berjuang semenjak zaman pra Merdeka manakala Ishak Shari pula ialah tokoh pasca Merdeka.

#### *(a) Tiga Jilid Memoir Said Zahari*

Tiga jilid memoir Said Zahari iaitu *Meniti Lautan Gelora* (2001), *Dalam Ribuan Mimpi Gelisah* (2006) dan *Suara Bicara: Fragmen Memoir Said Zahari* (2015) menjadi “seribu satu catatan” bagi mengenang dan mengungkap sejarah perjuangan seorang tokoh



wartawan, tahanan politik dan pejuang kebebasan dan keadilan yang gigih. Jilid pertama membicarakan pengalaman beliau sebagai seorang wartawan khususnya semasa memimpin akhbar *Utusan Melayu* sebagai ketua pengarang serta mogok Utusan pada 1961 bagi mempertahankan kebebasan akhbar. Jilid kedua memberi tumpuan kepada pengalaman dan perjuangan dalam penjara selama 17 tahun sebagai tahanan politik di Singapura (1963 hingga 1979) dan juga mengenai pengorbanan arwah isteri beliau. Jilid ketiga agak rencam – ia mengandungi bahagian yang berdasarkan tema “Menggenggam Segumpal Harapan” yang menunjukkan keazaman dan sikap optimis beliau menghadapi pelbagai kesukaran dan cabaran termasuk penyakit; pengalaman beliau terlantar di hospital menjalani operasi tempurung lutut, temuramah beliau dengan media, dan lain-lain. Oleh sebab kesihatannya terjejas, beliau tidak dapat menyiapkan sendiri penulisan memoir ini. Justeru seorang editor yang merupakan kawan karib beliau telah melaksanakan tugas ini. Selain tulisan Said sendiri, empat orang anak beliau menyumbang masing-masing satu bab kepada jilid ketiga ini. Bab-bab lain ialah tulisan penghormatan oleh rakan-rakan serta peminat beliau, di samping kata pengantar dan pendahuluan oleh editor.

Kaedah yang digunakan untuk memoir Said Zahari khususnya bagi jilid pertama dan kedua ialah catatan dan ingatan penulis sendiri di samping rujukan kepada dokumen-dokumen tertentu. Untuk jilid ketiga, selain berdasarkan catatan dan ingatan sendiri, ia turut menggunakan kaedah yang tidak digunakan oleh penulis-penulis lain iaitu memasukkan tulisan anak-anak Said Zahari yang mengungkapkan pengalaman mereka sebagai anak-anak kepada beliau khususnya semasa beliau di penjara, serta sejumlah tulisan penghormatan oleh kawan-kawan terhadap beliau.

Tiga jilid memoir Said Zahari menampilkan perspektif sejarah rakyat yang segar daripada kaca mata beliau yang telah melalui pelbagai likup hidup dan perjuangan pahit getir yang cuba didiamkan oleh pemerintah yang mengenakan pelbagai tekanan. Memoir Said Zahari memberi perspektif yang berbeza daripada perspektif sang penguasa. Dorongan beliau untuk menulis berdasarkan perspektif berbeza melalui memoir ini boleh dianggap sebagai satu

'*counterculture in media perspective*' atau budaya saingan dalam perspektif media ke atas dunia kewartawanan dan persuratkhabaran arus perdana. Dalam konteks sejarah pergerakan rakyat, akibat daripada sikap kekerasan dan ketidaktoleran pihak pemerintah yang jauh lebih berkuasa berbanding dengan mereka yang ingin menjalankan penentangan ke atas pemerintah (Qassim Ahmad 1993 : 8-9), beliau telah dihalang oleh pemerintah persekutuan untuk memasuki kembali Malaya pada tahun 1961 selepas bertemu dengan rakan-rakan *Utusan* dari Singapura untuk mengutip derma bagi akhbar tersebut.

Memang ahli sejarah boleh mendapat manfaat daripada memoir Said Zahari terutama sekali mengenai beberapa peristiwa bersejarah yang berlaku di Malaysia dan Singapura. Misalnya sejarah pergerakan anti-penjajahan sebelum zaman kemerdekaan, perkembangan persuratkhabaran dan kewartawanan di Malaya dan Singapura, dan peristiwa kisah tahanan politik. Hubungan beliau dengan tokoh aliran kiri Melayu membekalkan perspektif yang berbeza daripada sejarah nasionalisme yang ditulis dalam arus perdana kini. Dengan mengambil contoh daripada pengalaman Said Zahari sebagai aktivis dan tahanan politik di Singapura selama 17 tahun, sejarawan dapat membuka ruang kajian yang baru tentang sejarah tahanan politik dan konflik persuratkhabaran yang jarang ditonjolkan dalam penulisan sejarah.

Terdapat fakta di dalam memoir Said Zahari yang bercanggah dengan dokumen-dokumen atau rekod rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia dan Singapura (Lee Poh Ping dalam Said Zahari 2006). Namun Said Zahari menegaskan bahawa percanggahan ini sememangnya wujud disebabkan catatan sejarah rasmi yang ditulis oleh pemerintah adalah berdasarkan kepada perspektif "orang menang", sedangkan memoir beliau adalah hasil tulisan daripada "orang yang dikalahkan" (Said Zahari 2006).

### *(b) Biografi Ishak Shari: Pejuang Bumi Semua Manusia*

Ishak Shari pula seorang tokoh akademik yang telah berkhidmat di UKM selama hampir 30 tahun (1972-2001). Beliau telah menyumbangkan kepakaran dan daya keintelektualannya untuk

memperkayakan ilmu pembangunan dan memperbaiki polisi kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dengan mengemukakan kaedah yang terbaik untuk menangani permasalahan ini. Seperti mana sikap dan keperibadian Said Zahari dalam perjuangannya, Ishak Shari merupakan seorang tokoh akademik yang mempunyai pemikiran terbuka, menggunakan kebijaksanaannya untuk menyumbangkan khidmat kepakarannya kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan warna kulit. Biografi Ishak Shari adalah sebuah catatan yang ditulis oleh seorang pengarang yang berpengalaman dan berkemahiran di dalam bidangnya iaitu Mohammed Salleh Lamry. Ianya ditulis sebagai catatan keseluruhan kisah hidup Ishak Shari semenjak zaman kanak-kanak sehinggalah sumbangan besarnya di dalam lapangan akademik dan juga kemasyarakatan. Biografi ini menyelitkan beberapa daftar karya ilmiah beliau seperti projek penyelidikan dan perundingan, buku, monograf, makalah dan laporan penyelidikan.

Walaupun Ishak seorang tokoh zaman kontemporari, Mohammed Salleh Lamry selaku pengarang biografi menghadapi kesukaran mendapatkan dokumen-dokumen bertulis. Ini bukan kerana tidak ada dokumen, tetapi dokumen seperti fail-fail simpanan Ishak dan fail mengenai perkhidmatan beliau di UKM sudahpun dihapuskan tidak lama setelah beliau meninggal dunia pada Jun 2001. Bahan-bahan itu dianggap tidak diperlukan lagi. Apabila rancangan menulis memoir itu dimulakan lebih sedekad kemudian, barulah terasa kesilapan membuang dokumen-dokumen itu.

Walau bagaimanapun Salleh Lamry melihat kekurangan bahan-bahan tersebut bukanlah suatu yang mengekang usaha beliau untuk menulis biografi ini. Beliau telah mengisi keterbatasan tersebut dengan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam bagi memperoleh maklumat-maklumat yang sahih mengenai tokoh ini. Antara pihak terdekat yang ditemu bual ialah isteri Ishak Shari, Rasidah Md. Dali, adik Ishak Shari, Ismail Shari serta beberapa orang tua di kampung kelahiran beliau. Selain itu, rakan-rakan seperjuangan dan seangkatan dengannya seperti Abdul Rahman Embong, Abdul Halim Ali, Yap Hon Ngian, Jomo K. Sundaram, Syed Husin Ali, dan Sanusi Osman; rakan-rakan sekerja seperti Abdul

Samad Hadi, Sumit Mandal, Ragayah Mat Zin, Junaenah Sulehan, serta bekas pelajar beliau seperti Hasan Ali, Nordin Kardi, Madeline Berma dan lain-lain. Kaedah temu bual dengan informan-informan terdekat telah memberi keterangan rapi kepada penulis sehingga penulis dapat membangun semula jalan cerita dan perwatakan Ishak secara jelas dan tersusun. Biografi ini ditulis dengan begitu baik dan berjaya memenangi “Anugerah Sastera Perdana 2014 dalam Kategori Biografi.”

Terdapat beberapa penemuan penting daripada biografi Ishak Shari yang mampu memperkayakan pengetahuan sejarah. Pertama adalah tentang pergerakan pelajar di London pada tahun 1960-an. Kedua, mengenai sejarah awal penubuhan UKM dalam membina budaya ilmu. Ketiga, berkenaan dengan pembangunan intelektual dan penyelidikan yang dijalankan di UKM dan juga kajian-kajian tentang kemiskinan di Malaysia. Kegiatan beliau dalam aktiviti pelajar di London menunjukkan pelajar-pelajar Malaysia dan Singapura sudah mula menginspirasi ilmu dan menyumbang bakti kepada semua anak bangsa akibat daripada pengaruh persekitaran yang berlaku pada ketika itu. Dari itu beliau cuba memberi sumbangan yang cukup besar kepada masyarakat di Malaysia khususnya kepada gedung ilmu di UKM dan secara khusus kepada pembangunan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM. Penyelidikan yang dijalankan oleh Ishak Shari membekalkan sejarawan tentang persoalan-persoalan sejarah yang berkaitan dengan keadaan ekonomi mahupun sosial masyarakat di Malaysia selepas Merdeka.

## **Kesimpulan**

Penerbitan memoir seperti yang dikupas di atas menandakan sejarah tidaklah ditulis dalam rangka “orang menang” sahaja tetapi juga dari mereka yang dianggap sebagai “pihak yang kalah” dan juga berdasarkan perspektif dari bawah. Pengertian “sejarah dari bawah” atau “sejarah rakyat” sewajarnya diperhatikan melalui sumber memoir dan biografi agar satu perspektif berbeza dan inklusif dapat muncul dan sekiranya perlu, “*character rehabilitation*” atau pemulihan watak dapat dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang terlibat. Dengan memberi

sandaran kepada latar belakang kehidupan seorang tokoh di dalam sumber memoir dan biografi, kita dapat memahami tindakan dan idea-idea generasi seangkatan dengannya. Di samping itu, sumber ini juga dapat mengedepankan perspektif dari pihak yang selama ini tidak terwakili dalam penulisan sejarah (Hilmar Farid 2003: 144). Inilah yang terdapat dalam memoir Said Zahari yang merupakan semacam perwakilan kepada suara pihak yang selama ini didiamkan. Manakala dalam perihal biografi Ishak Shari, ia agak berbeza. Hidup dan berjuang dalam zaman pasca Merdeka, biografi ini memberikan kita perspektif mengenai gerakan pelajar dan pembangunan budaya intelektual dan ilmu di peringkat universiti selari dengan wacana ilmu di Malaysia.

Selanjutnya kaedah menulis memoir dan biografi adalah sangat penting. Nilai dan sifat memoir bergantung kepada fakta-fakta dan maklumat baru serta perspektif berbeza yang cuba ditonjolkan oleh pelaku sejarah tersebut. Manakala pengumpulan bahan rujukan untuk menyempurnakan penulisan biografi bukan perkara yang mudah. Pelbagai kaedah perlu digarap dan ditampilkan terutamanya daripada rekod-rekod peribadi yang disimpan oleh pelaku sejarah sendiri dan juga melalui kaedah sejarah lisan. Kaedah-kaedah ini menentukan sifat ilmiah di dalam memoir dan biografi serta dapat dipertanggungjawabkan sebagai sebuah rujukan sejarah dan ilmu dalam erti yang lebih luas serta menjadikan penulisan sejarah itu lebih inklusif.

## Nota Akhir

- <sup>1</sup> Sebagai karya biografi, *Hikayat Nakhoda Muda* memperihalkan pengalaman hidup (dari awal hingga akhir kehidupan) seorang pedagang lada berbangsa Minangkabau dari Semangka. Beliau dikenali sebagai Nakhoda Muda atau digelar kemudiannya sebagai Kiai Damang Purwasidana iaitu gelaran yang diberikan oleh Sultan Banten bagi mengiktiraf peranannya membantu baginda dalam peperangan dengan Ratu Bagus Buang. La'udin, seorang anak Nakhoda Muda, mencatatkan pengalaman manis dan pahitnya dengan bersungguh-sungguh, terperinci, dan sedikit kritis tentang penglibatan ayahnya dalam urusan perdagangan lada di Semangka dan Banten serta hal-hal yang berkait rapat dalam politik niaga Sultan Banten dengan Belanda. Sila rujuk selanjutnya di dalam Noriah Taslim (2015: 62).

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2010. *Research in the Social Sciences & Humanities in Malaysia: A Historical Overview*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2014. Di Sebalik Biografi Ishak Shari: Pejuang Bumi Semua Manusia. Kata Pengantar dalam Mohamed Salleh Lamry. *Biografi Ishak Shari: Pejuang Bumi Semua Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hilmar Farid. 2003. Merekam Kekuatan Arus Bawah. *Jurnal Analisis Sosial*. Vol. 6. No. 8: 143-153.
- Noriah Taslim. 2015. Hikayat Nakhoda Muda: Biografi Melayu Abad ke-18. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol. 3. No. 3: 59-68.
- Qasim Ahmad. 1993. *Kekerasan dalam Masyarakat: Suatu Perhitungan. Dalam Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said Zahari. 2001. *Meniti Lautan Gelora: Sebuah Memoir Politik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Said Zahari. 2006. *Dalam Ribuan Mimpi Gelisah: Memoir Said Zahari*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Said Zahari. 2015. *Suara Bicara Fragmen Memior Said Zahari*. Disunting oleh Abdul Rahman Embong. Kuala Lumpur: Pusat Sejarah Rakyat Berhad.
- Zinn, Howard. 2003. *A People's History of the United States: 1492-Present*. New York: HarperCollins.
- Zinsser, William (ed.). 1998. *Inventing the Truth: The Art and Craft of Memoir*. New York: Mariner Books.